

08/03/2001

Tiada pertelingkahan isu penggiliran Ketua Menteri

KOTA KINABALU, Rabu - Tidak ada pertelingkahan sesama parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah berhubung isu penggiliran jawatan Ketua Menteri, kata Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Karim Ghani.

Menurutnya, apa yang berlaku hanyalah sedikit perbezaan pendapat berikutan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta pandangan bertulis daripada setiap parti komponen berhubung isu itu.

"Oleh itu, saya harap tidak ada lagi mana-mana pihak yang mengeluarkan kenyataan sehingga mengeruhkan lagi keadaan, tambahan pula Dr Mahathir dijangka membuat pengumuman mengenai isu tidak lama lagi," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Joseph Pairin Kitingan, semalam, bahawa sistem itu yang diperkenalkan pada 1994 hanya digunakan sebagai umpan kepada ahli politik di negeri ini, khususnya dari PBS untuk menyertai BN.

Sehubungan itu, Pairin menggesa rakyat negeri ini supaya tidak memberi kepercayaan kepada BN kerana mendakwa pemimpin dalam BN Sabah sekarang kini bingung dan memberikan pendapat berbeza terhadap isu itu dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan, sekadar menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

Karim berkata, perbezaan pendapat dalam BN adalah perkara biasa dan ia tidak pernah menggugat persefahaman serta semangat setiakawan yang terjalin selama ini.

Justeru, katanya, semua pihak perlu memberi peluang kepada Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN Pusat, membuat keputusan berhubung isu itu sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan.

Katanya, semua parti komponen BN Sabah sudah membuat keputusan akan akur terhadap apa saja keputusan Perdana Menteri.

Ini katanya, bukan bermakna mereka dalam kebingungan, sebaliknya memberi mandat kepada Dr Mahathir membuat keputusan terbaik bagi rakyat dan negeri ini.

Beliau juga berkata hanya parti Umno, MCA dan Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) yang boleh mendakwa mewakili kaum masing-masing iaitu Melayu/Bumiputera Islam, Cina serta Kadazandusun/Bumiputera bukan Islam.

Parti lain dalam komponen BN pula adalah parti berbilang kaum dan ia dapat dibuktikan menerusi keahlian semua parti terbabit.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Sabah, Tawfiq Abu Bakar Titingan berkata, pihaknya menyerahkan kepada Perdana Menteri membuat keputusan berhubung perkara itu.

Menurutnya, Pemuda Umno Sabah sebelum ini sudah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri supaya memansuhkan sistem penggiliran Ketua Menteri, justeru terserah kepada Perdana Menteri membuat keputusan.

"Kami hanya menunggu keputusan dari Perdana Menteri setelah menyerahkan memorandum berkenaan tahun lalu.

"Pemuda Umno Sabah akur terhadap sebarang keputusan yang diambil oleh Perdana Menteri berhubung perkara itu," katanya.

(END)